

 Siri Pencerahan Selangor

TAHUN-TAHUN DI PRAIRIE ABRAHAM LINCOLN

Carl Sandburg

JILID #1





ABRAHAM LINCOLN TAHUN-TAHUN DI PRAIRIE

CARL SANDBURG

Terjemahan
Amin Ahmad



PUSTAKA PERDANA



1012480

Abraham Lincoln: Tahun-tahun di Prairie

terjemahan daripada

Abraham Lincoln 'The Prairie Years'

Carl Sandburg

diterjemah oleh

Amin Ahmad

diterbitkan oleh

Awal Nahdah Resources

41, Jalan Tanjung 2A

Seksyen BS2, Bukit Sentosa

48300 Rawang Selangor

(awalnahdah@gmail.com)

dengan sokongan

Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Cetakan Pertama, 2016

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sandburg, Carl, 1878-1967

ABRAHAM LINCOLN : TAHUN-TAHUN DI PRAIRIE, CARL SANDBURG;

Terjemahan Amin Ahmad

(Siri Pencerahan Selangor)

Includes index

ISBN 978 967 14418 1 7

I. Lincoln, Abraham,--1809-1865

I. Amin Ahmad. II. Translation of: Sandburg, Carl. Abraham Lincoln

'The Prairie Years'. III. Judul. IV. Siri.

923.173

© Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

font Athelas

dicetak di

Mj Production

No. 23 Jln. PBS 14/13

Taman Perindustrian Bukit Serdang

43300 Seri Kembangan, Selangor.

923.173
SAN

Daftar Isi

- ❁ Permulaan Belantara ..1
- ❁ Hari-Hari di New Salem ..39
- ❁ Ahli Muda Majlis Undangan ..75
- ❁ Peguam di Springfield ..105
- ❁ Saya Akan Berkahwin ..135
- ❁ Bertanding untuk Kongres ..153
- ❁ Ahli Kongres Lincoln ..179
- ❁ Kembali ke Rumah di Springfield ..199
- ❁ Amerika Berkembang Resah ..221
- ❁ Isu Perhambaan Kian Menyulitkan ..249
- ❁ Perdebatan Agung ..263
- ❁ Rakan yang Pelik dan Orang Baru yang Mesra ..281
- ❁ “Hanya keadaan boleh menjadikan seseorang Presiden” ..297
- ❁ “Mary, Kita Dipilih” ..321
- ❁ Rumah sedang Terbahagi ..349
- ❁ “Saya Mengucapkan Selamat Tinggal
dengan Penuh Kasih Sayang” ..367

Daftar kata



Permulaan Belantara

PADA TAHUN 1776, ketika 13 koloni Amerika menunjukkan kepada dunia Perisytiharan Kemerdekaan yang popular itu, ada seorang kapten militia Virginia menetap di Rockingham County bernama Abraham Lincoln. Dia memiliki tanah ladang seluas 210 ekar yang diwasiatkan kepadanya oleh bapanya, John Lincoln, seorang daripada ramai penduduk Inggeris, Scotland, Ireland, Jerman, Belanda yang menjadikan bukit bukau hijau dan cerun-cerun di Lembah Shenandoah dan membajak tanah yang tidak terusik itu yang selama ini dimiliki oleh orang-orang India.¹ Keluarga Lincoln ini di Virginia datang dari Berks County di Pennsylvania dan susur galur keturunannya sampai ke Lincoln di New England dan Old England. Ada jenis darah Quaker² dalam diri mereka; mereka bersifat tenang, pendamai dan nekad.

1 Nota penterjemah : Merujuk kepada India Amerika Utara.


2 Nota penterjemah : Dalam sejarah Amerika, Quaker terbentuk pada pertengahan kurun ke-17 oleh seorang pembuat kasut Inggeris, George Fox (1624-1691). Teras kepercayaan beliau ialah manusia tidak memerlukan perantara untuk berhubung dengan Tuhan, tidak memerlukan paderi dan khidmat formal gereja. Fox percaya 'Cahaya Dalaman' akan mendorong manusia kepada kebenaran suci. Mereka percaya setiap manusia adalah sama di sisi Tuhan justeru itu ia perlu dicerminkan dalam kehidupan manusia. Kepercayaan ini telah menyinggung banyak pihak pada zaman itu.



Abraham Lincoln telah mengahwini Bathsheba Herring, yang melahirkan tiga orang anak lelaki, Mordecai, Josiah dan Thomas, serta dua orang anak perempuan, Mary dan Nancy. Keluarga Abraham Lincoln berpindah ke Kentucky pada tahun 1782. Selama bertahun-tahun rakannya Daniel Boone, pulang dari kunjungan ke Kentucky, menyatakan lembah itu kaya dengan tanah liat dan padang rumput hijau kebiruan, haiwan dan burung, kayu-kayan balak yang tinggi dan sungai jernih yang mengalir deras. Dia ingat, tempat yang diceritakan oleh Boone kepadanya, di mana tanahnya berharga 40 sen satu ekar. Abraham Lincoln menjual ladangnya; mengemas barang-barang mereka sebelum menyertai rombongan menuju ke Wilderness Road melalui Cumberland Gap dan ke arah utara dan barat sehingga Kentucky. Abraham Lincoln memilih untuk tinggal di Sungai Green, di mana dia menuntut tanah seluas 2,000 ekar.

Satu hari kira-kira dua tahun kemudian, ketika mengerjakan tanah bersama tiga orang anak lelakinya, yang melihat bapa mereka meruntun kekejangan sebelum jatuh ke tanah, sejurus selepas mereka terdengar bunyi tembakan senapang dan bunyi peluru. Mereka menjerit ke arah satu sama lain, "India!" Mordecai berlari ke kabin berdekatan, Josiah mula berlari merentasi padang rumput dan hutan kayu ke kota untuk mencari pertolongan. Tom yang baru berusia enam tahun menunduk di atas badan ayahnya yang penuh darah dan tertanya apa boleh dilakukannya. Dia mengangkat kepala dan melihat seorang India berdiri di sebelahnya, dengan gelang yang bersinar dan tergantung di bahu berdekatan dengan hatinya. Kemudian Tom melihat tangan India ini mencekau ke atas, berteriak dan menggumal tangannya ke tanah. Mordecai dengan senapang di lubang intip di dalam kabin menenang tembakan ke gelang yang bersinar. Tom yang berada sangat hampir sehingga dapat mendengar bidikan peluru tembus ke badan lelaki India itu.

Thomas Lincoln, ketika membesar, tinggal di tempat lain di Kentucky bersama rakan-rakannya, kadangkala disewakan kepada peladang, terutamanya di Washington County. Apabila berkesempatan, dia mempelajari urusan



jual beli dan bina perabot tukang kayu. Ketika dewasa tingginya lima kaki enam inci, berat sekitar 185 paun, otot dan rusuknya rapat. Matanya berwarna gelap terserlah dengan muka bulat, di bawah rambut yang kasar, dia suka mencelah cakap atau lancar bercerita, bergurau. Dia terkenal sebagai seorang yang suka bercerita. Dia kurang atau tiada masa untuk membaca, mungkin membaca beberapa buah dan menandatangani namanya.

Thomas Lincoln semasa berusia 19 tahun telah berkhidmat bersama militia di negeri Kentucky. Pada usia 24 tahun dia dilantik sebagai konstabel di Cumberland County. Tahun berikutnya dia berpindah ke Hardin County dan berkhidmat sebagai seorang juri. Dia diberi kepercayaan oleh seorang syerif dan dibayar oleh desa itu untuk mengawal seorang tahanan selama enam hari. Di penjara desa itu dia dapat melihat orang dikurung di belakang tirai besi kerana tidak membayar hutang mereka dan di tiang sebatan awam orang kulit putih dan orang kulit hitam disebut di bahagian belakang tanpa pakaian. Dia nampak ada tahanan duduk kaku melutut dengan tangan dan kepala digari antara dua alur papan; jika seorang tahanan tidak sedarkan diri kerana mabuk mereka akan dibaringkan dengan kaki diikat kaku sehingga mereka sedar.

Pada tahun 1803, Thomas Lincoln dengan “sejumlah 118 pound bayaran tunai” telah membeli 238 ekar ladang berhampiran dengan Mill Creek, tujuh batu ke utara Elizabethtown, desa di Hardin County. Pada Mac 1805, dia adalah seorang daripada empat “peronda keselamatan” yang dilantik di Hardin County bagi menangkap mana-mana orang kulit putih yang mencurigakan atau hamba Negro yang merayau-rayau tanpa permit. Pada Mac 1806, dia diambil bekerja oleh Bleakley & Montgomery’s, penyelenggara stor di Elizabethtown, membawa barang dagangan mereka dengan tongkang melalui Sungai Mississippi dan Ohio ke New Orleans, dengan pendapatan 16 paun dalam bentuk emas dan kredit sebanyak 13 paun dalam bentuk emas. Buku-buku akaun di stor membolehkan dia membeli “dua lingkaran tembakau” dari semasa ke semasa, satu paun pada harga 38 sen, dan satu pain wiski pada harga 21 sen.



Buku-buku akaun ini menunjukkan pada May 1806 dia berbelanja dengan banyak, membeli “empat gelung sutera,” “lima ela kain linen”, “empat ela kain sepuh untuk membuat kot”, “suku ela pakaian skarlet”, beberapa ela kain “Jane” dan “Brown Holland”, “tiga setengah ela kain Kashmir”, “satu suku ela kain tuala merah”, beberapa dozen butang, dan sejumlah barang runcit yang lain. Lebih awal pada tahun tersebut dia telah membeli topi aritokrat memerang dengan harga satu paun enam syiling dan sepasang pita ambin sutera pada harga 1.50 dolar. Dia mahu memikat seorang wanita yang ingin dikahwininya dan membeli pakaian-pakaian yang elok bagi pengantin perempuan dan dirinya sendiri.

Thomas Lincoln asyik bercinta dan perkahwinannya ditetapkan pada 12 Jun 1806, di Beechland di Washington County. Nancy Hanks, bakal pengantin perempuan, merupakan anak kepada Lucy Hanks dan seringkali dipanggil Nancy Sparrow kerana dia merupakan anak angkat Thomas dan Elizabeth Sparrow yang rumah mereka adalah tempat tinggalnya.

Lucy Hanks mengambil Nancy sebagai anak angkat mereka dan menetap di Virginia pada tahun 1784. Nama ayah Nancy nampaknya tidak ada dalam mana-mana dokumen atau surat yang masih wujud. Namanya yang tidak pernah diketahui telah membingungkan dan menjadi misteri kepada mereka yang mencarinya melalui rekod-rekod dan bukti-bukti yang didapatkan sejak bertahun-tahun bagi menjelaskan nama ayah kepada anak kecil bernama Nancy Hanks.

Lucy pergi ke Kentucky membawa apa yang bernilai kepada dirinya. Dia mungkin berusia 19 tahun ketika itu. Dia membawanya bersama melalui gunung-ganang yang jauh dan berkabus, memegangnya ketika turun, memberinya makan dan menetek ketika bertanya, “Di sini kita datang – dari mana?” Jika Lucy telah berkahwin semasa Nancy dilahirkan, mungkin suaminya telah mati, dia menjadi janda atau dia hidup dan menetap di Virginia atau tempat lain. Dalam mana-mana kes, dia dan anaknya mesti bersama sebaik yang mungkin tanpa suaminya.

Bagaimana dan di mana dia tinggal sepanjang tahun-tahun membesarkan Nancy tidak begitu diingati atau

direkodkan. Ada yang mengatakan kemudian bahawa terdapat seorang Lucy Hanks lain, bukan ibu Nancy, yang dituduh pada 24 November 1789, oleh juri agung Mahkamah Mercer County kerana perilaku sumbang dengan lelaki. Bulan demi bulan berlalu dan tidak ada rekod perbicaraan pertuduhan Lucy Hanks. Semasa bulan-bulan tersebut muncul ke dalam hidup emak Nancy, seorang lelaki bernama Henry Sparrow, lahir di Virginia, sekitar sama usianya, veteran Perang Revolusi yang menyaksikan tentera Lord Cornwallis menyerah diri kepada George Washington. Sejak bapanya mati pada tahun 1789, dia menjaga ibu yang kini menjadi janda, adik perempuan dan adik lelakinya.

Pada 26 April 1790, Henry Sparrow, dengan adik iparnya, John Daniel, telah dibenarkan bertunang untuk lesen perkahwinan antara dirinya dan Lucy Hanks. Pada hari yang sama juga, Lucy Hanks, seorang daripada segelintir wanita dan penduduk setempat pada masa itu yang boleh membaca dan menulis, menulis sebuah sijil:

Saya mengesahkan bahawa saya
telah cukup umur dan memberi
perkenan secara sukarela kepada Henry
Sparrow untuk mendapatkan Lesen
pada hari ini atau bila-bila masa
Disahkan oleh saya sendiri
hari ini

26 April 1790
hari

Lucy
Hanks

Yang menandatangani sebagai saksi ialah Robert Mitchell dan John Berry, mungkin orang yang sama berkhidmat sebagai juri dalam pertuduhan terhadap Lucy Hanks. Pada Mei berikutnya Mahkamah Mercer County dalam kes “terhadap Lucy Hanks, defendan” memberi maklumat rasmi kepada mahkamah, “atas sebab-sebab yang diberikan kepada mahkamah, perbicaraan diarahkan untuk tidak diteruskan.” Apa juga yang dimaksudkan dengan pertuduhan mereka telah dibatalkan kerana dia telah berubah menjadi lebih baik atau mereka salah dalam menamakan dia dalam pertuduhan.



Hampir setahun berlalu dan Lucy Hanks dan cara hidupnya menggembarakan Henry Sparrow. Henry mahukan dia menjadi teman hidupnya, dan dengan lesen yang diberikan pada 26 April 1790, mereka telah dikahwinkan pada 3 April 1791 oleh pembaptis, Reverend John Bailey. Lucy Hanks Sparrow membuktikan dirinya wanita yang kuat dan berupaya, mempunyai semangat untuk hidup dan hidup yang berani. Daripada lapan orang anak yang dilahirkan ketika tidak ramai berpeluang mendapat pendidikan, mereka semua belajar membaca dan menulis, dan dua daripada mereka menjadi paderi terkenal.

Pada 12 Jun 1806, datang ke rumah Richard Berry di Beechland di Washington County, lelaki dan perempuan menunggang kuda untuk majlis perkahwinan Thomas Lincoln yang berusia 28 tahun dan Nancy Hanks yang berusia 22 tahun. Pengantin lelaki memakai topi memerang berhias, sut hitam baru, pita ambin sutera baru. Set pakaian wanita pula berkain linen dan sutera, mungkin ada di mana-mana cebisan “suku ela kain scarlet” yang dibeli oleh Tom di Bleakley & Montgomery’s. Mereka ada ramai sanak saudara dan rakan-rakan di Washington County dan masanya sesuai bagi menjalankan perkahwinan, dengan tanaman semasa musim bunga dan pembajakan tanah untuk menanam jagung dan tuaian rumput kering belum perlu dibuat. Nancy Hanks berada di rumah dalam dua kabin kayu besar Berrys. Di sana dia selesai menjahit untuk Puan Berrys dan Richard Berry yang bersama Thomas Lincoln ketika menandatangani ikatan perkahwinan, di bawah namanya ditulis “*garden*”, bermaksud pelindung (*guardian*). Enam orang hamba Negro yang dimiliki oleh Richard Berry agak sibuk memastikan makanan tersedia dan “telah ditentukan” untuk mengikut majlis perkahwinan. Reverend Jesse Head tiba dengan kuda betina kelabu miliknya. Dialah lelaki yang dirimakan oleh mereka:

Hidungnya panjang rambutnya merah,
Namanya Jesse Head.

Seorang pembenci dosa, dia sukakan kesopanan dan keteraturan yang baik dan boleh berhenti seketika



ketika berkhotbah untuk turun dari mimbar dan menghalau mereka yang memperolok keteraturan kerana mabuk. Kedua-dua pengantin berdiri di depannya. Dia mengumumkan kedua-dua mereka sebagai pasangan suami isteri dan menulis kepada kerani desa bahawa pada 12 Jun 1806, Thomas Lincon dan Nancy Hanks telah bersatu dalam ikatan perkahwinan “bersetuju dengan upacara dan majlis Gereja Methodist Episkopal.”

Kemudian berlangsung “majlis sambutan pengantin baru.” Seorang yang hadir ke majlis tersebut mengingatinya, “Kami dihidangkan daging beruang, daging rusa, ayam belanda dan itik, telur liar dan jinak, ketulan gula maple yang diikat pada tali untuk dimakan dengan kopi atau wiski, sirap dalam labu besar, buah pic dan madu, daging biri-biri yang dipanggang di atas arang kayu yang dibakar di dalam sebuah liang, dan ditutup dengan cabang dan ranting hijau untuk mengekalkan rasa ramuan dan banyaknya botol wiski.” Berkemungkinan besar Henry Sparrow dan isterinya, Lucy Hanks Sparrow, menunggang kuda dari Mercer County untuk menyertai majlis perkahwinan tersebut. Bagi mereka, juga kedua-dua pengantin, acara murni pada hari itu terkandung kecantikan khusus dan Lucy pastinya gembira.

Pengantin lelaki mengangkat dan meletakkan isterinya di atas seekor kuda dan mereka menunggangnya pergi melalui tanah liat merah di sepanjang laluan berkayu ke Elizabethtown untuk menetap di sebuah kabin berhampiran dengan bangunan mahkamah di desa itu. Di Bleakley & Montgomery’s, Tom membeli separuh set pisau dan garpu, setengah dozen sudu, benang dan jarum, tiga gegelung sutera, tiga paun tembakau – sutera untuk Nancy, tembakau untuk dirinya sendiri. Tom bekerja sebagai seorang tukang kayu, membuat perabot, bingkai pintu, bingkai tingkap dan sesekali keranda. Keranda kanak-kanak berharga tiga dolar, wanita enam dolar dan lelaki pula tujuh dolar.

Nancy Hanks yang tinggi, ramping dan berkulit gelap mendapat kegembiraan pada tahun 1806. Pada satu hari semasa musim panas dia membawakan berita kepada suaminya – dia sedang mengandung anak mereka! Mereka

menunggu kuda lebih kerap lagi mungkin ke Gereja Baptis Little Mount di mana mereka merupakan ahlinya dan lebih banyak berdoa untuk anak yang bakal dilahirkan. Mungkin tambahan bagi kegembiraan yang meluap doa ringkas dibaca oleh Thomas semasa sebelum makan.

Pada 10 Februari 1807, anak mereka dilahirkan elok dan dinamakan Sarah. Nancy memandikan dan membelainya, menyatakan keinginan dan doa kepada anak kecil itu. Mungkin dia bersedih dalam duka seperti bintang gelap di langit jauh, dengan harapan yang terbakar jauh dalam dirinya agar kesukaran hidup setiap hari akan dapat dilewati, selepas keluhan hari ini, impiannya akan menjadi kenyataan. Dia membaca kitab Bible mereka. Sesiapa yang mengenali dirinya akan berkata dia “seorang yang sedia membaca.” Dia seorang yang beriman dan tahu – apa yang diyakininya itu jauh – sentiasa jauh. Setiap hari mendatang dia memasak, menghidup dan mematikan api, menyental, mencuci, membaiki, dan tidak punya masa untuk berfikir atau menyanyi riang untuk perkara yang diyakininya sentiasa jauh.

Dia mengetahui suaminya mempunyai masalah di mahkamah. Suaminya telah mengambil kontrak untuk menebang balak dan membantu meletakkannya di kilang papan untuk Denton Geoghegan, menghabiskan hari-harinya dengan kerja berat. Bila Geoghegan tidak membayarnya, Tom mengambil tindakan undang-undang dan telah menang. Kemudian Geoghegan mengambil dua tindakan undang-undang terhadap Lincoln, mendakwa kilang papannya menerima balak yang dipotong tidak elok. Tom Lincoln memenangi kedua-dua kes tersebut.

Apabila dia membeli ladang keduanya, 348.5 ekar di South Fork di Nolin Creek, 18 batu di tenggara Elizabethtown, dia membayar Isaac Bush sebanyak 200 dolar secara tunai dan perlu mematuhi beberapa perkara kecil disebabkan oleh bekas pemegang hak milik. Ini pada tahun 1808 menjadikan Tom Lincoln memiliki 586.5 ekar tanah, bersama dua lot di Elizabethtown dan sejumlah haiwan ternakan.

Pada Mei dan musim bunga tahun 1808, Tom dan Nancy serta anak kecil mereka berpindah dari Elizabethtown ke ladang George Brownfield, di mana Tom melakukan kerja tukang kayu dan mengusahakan ladang. Berhampiran

kabin mereka pokok epal masam liar tumbuh tebal dan subur dengan bunga dan bau. Bau pokok epal masam berbunga, dan banyak tumbuhan liar yang rendah, menjadikan musim panas itu digemari oleh Nancy Hanks. Bintang-bintang pada masa musim panas itu menghilangkan keperitan dan rasa berat, kejanggalan dan tawa hambar, buat Nancy Hanks.

Tahun yang sama menyaksikan keluarga Tom Lincoln berpindah ke tanah mereka sendiri di South Fork di Nolin Creek, terletak kira-kira dua setengah batu dari Hodgenville. Dia cuba mengusahakan tanah keras itu dan membina kabin daripada kayu yang dipotongnya daripada balak berhampiran. Lantainya bertanah padat. Satu pintu, berayun dengan engsel kulit, boleh dibuka ke dalam atau ke luar. Satu tingkap kecil boleh dipandang keluar untuk melihat cuaca, hujan atau salji, matahari dan juga pokok, hamparan padang rumput yang lapang dan bukit bukau kecil. Serombong dari tanah liat membawa asap keluar.

Satu pagi pada Februari 1809, Tom Lincoln keluar dari kabinnya pergi ke jalan, memberhentikan seorang jirannya dan meminta dia memberitahu "seorang wanita tua", Peggy Walters, bahawa Nancy mungkin memerlukan bantuan nanti. Pada pagi 12 Februari, Ahad, wanita tua ini telah datang ke kabin mereka. Dia dan Tom Lincoln bersama Nancy Hanks yang mengerang kesakitan menyambut kelahiran seorang lagi anak ke dunia yang penuh sengketa dan pertumpahan darah ini, daripada mimpi yang dibisikkan dan debu hiba, seorang anak lelaki.

Tidak lama kemudian pada pagi itu, Tom Lincoln memasukkan lebih banyak kayu ke dalam api yang membakar, tambahan lapisan kain kulit beruang kepada ibu, dan berjalan kira-kira dua batu menuju ke tempat di mana Sparrows, Tom dan Betsy tinggal. Dennis Hanks, budak sembilan tahun yang diambil sebagai anak angkat oleh Sparrows, bertemu Tom di pintu masuk. Dengan cara bercakap yang perlahan Tom Lincoln memberitahu mereka, "Nancy baru melahirkan seorang anak lelaki." Matanya menunjukkan separuh tersipu, walaupun mungkin banyak lagi bayi tidak dimahukan di Kentucky pada masa itu.

Dennis Hanks berjalan kaki menuju ke kabin Lincoln. Di sana dia nampak Nancy Hanks berada di atas katil yang

Tahun-tahun di Prairie mengisahkan kehidupan Abraham Lincoln, sejak dilahirkan sehingga beliau akhirnya dipilih menjadi Presiden ke-16 Amerika Syarikat.

Meskipun hidup sukar di zaman mudanya, beliau tidak pernah memadam keinginan untuk menjadi ahli politik.

Pada kehidupannya boleh dilihat bagaimana seorang yang tidak pernah bersekolah, mengasah kepintaran dengan kegigihan membaca dan dorongan ingin tahu. Dengan itu juga hujah-hujah dimajukan untuk mempertahankan pendirian politiknya, khusus dalam menentang perhambaan – isu yang membahagi negara Amerika Syarikat pada masa itu.

Namanya tersebar meluas dan jauh. Meskipun berkeinginan dinamakan sebagai calon Presiden, Lincoln tidak pernah memberi apa-apa isyarat untuk itu malah merasakan ada calon lain yang lebih sesuai. Menurutnya, “hanya keadaan boleh menjadikan seseorang presiden.”

Bagaimanakah Lincoln melalui semua ini? Buku ini menceritakannya...

libde

Dengan sokongan:

